

DATUK MUSA SEJAM DI TAMBAK JOHOR

JOHOR BAHRU, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam tengah hari tadi melawat Tambak Johor untuk menyaksikan sendiri kesesakan lalulintas yang sering berlaku di kawasan itu terutama di hari-hari cuti.

Datuk Musa menghabiskan masa

selama sejam di situ diiringi oleh Pengarah Imigresen Johor, Encik Dosmi Ibrahim.

Sayang hajat Datuk Musa untuk menyaksikan dengan sendiri kesesakan itu tidak tercapai kerana kawasan tersebut sejak pagi dan tengah hari tadi lengang.

Bagaimanapun pada hari Khamis, Jumaat

dan Sabtu, kesesakan lalulintas di Tambak Johor sesak, kereta-kereta bergerak selinci demi selinci lebih tiga jam lamanya.

Bagaimanapun, dalam lawatan itu, Datuk Musa mendengar penerangan dari pegawai-pegawai Kastam dan Imigresen di Tambak Johor.